

PruBSN iTEKAD Protection

Ringkasan Sijil Induk

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PENYATA MAKLUMAT RINGKASAN SIJIL INDUK

Ahli yang Dilindungi patut membaca maklumat-maklumat berikut bersama-sama dengan syarat-syarat yang tertera di dalam Ringkasan Sijil Induk ini.

1. BUKTI UMUR

Sekiranya berlaku tuntutan, PruBSN memerlukan bukti umur Ahli yang Dilindungi yang memuaskan jika umur tidak diperakui kepada PruBSN sebelum ini.

2. PENAMAAN

Ahli yang Dilindungi boleh memilih sesiapa yang akan menerima manfaat apabila berlakunya kematian Ahli yang Dilindungi dengan melengkapkan borang penamaan dan dihantar kepada PruBSN.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi belum memilih sesiapa, Ahli yang Dilindungi boleh melengkapkan borang penamaan dan hantarkan kepada PruBSN dengan segera di Cawangan atau melalui E-mel (seperti dinyatakan dalam Klausula 8).

3. PENUKARAN ALAMAT

Bagi memastikan PruBSN dapat memaklumkan Pemegang Sijil Induk tentang maklumat yang perlu, Ahli yang Dilindungi hendaklah memastikan bahawa PruBSN mempunyai alamat surat-menyerat Ahli yang Dilindungi yang terkini.

4. TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memberi notis bertulis kepada PruBSN atau melalui arahan bertulis Pemegang Sijil Induk dan memberikan maklumat pengecaman peribadi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh permulaan perlindungan. PruBSN akan membayar balik Sumbangan yang dibayar oleh Ahli yang Dilindungi, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh rujukan percuma.

5. BAYARAN SUMBANGAN

Sumbangan sebanyak RM10 akan ditolak daripada akaun setiap Ahli yang Dilindungi bersama Pemegang Sijil Induk. Pemegang Sijil Induk hendaklah menyediakan bahagian sumbangannya bersama-sama Sumbangan Ahli yang Dilindungi kepada PruBSN melalui pemindahan dana.

6. SERAHAN SIJIL INDUK

Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini selepas tempoh rujukan percuma dengan memberi pemberitahuan terlebih dahulu dalam masa tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada PruBSN.

Apabila perlindungan dibatalkan, perlindungan takaful untuk Ahli yang Dilindungi akan diteruskan sehingga tamat Tempoh Perlindungan di bawah Sijil Induk atau sehingga perlindungan takaful ditamatkan mengikut Klausula 5 Ringkasan Sijil Induk, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu. Tiada nilai penyerahan akan dibayar, dan Sumbangan yang dibayar tidak akan dikembalikan.

7. PENYERAHAN TUNTUTAN

Untuk membuat tuntutan, penama atau penuntut yang sah perlu menghantar pemberitahuan tuntutan kepada PruBSN melalui E-mel atau Cawangan (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8) di bawah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kemalangan/kejadian.

Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya dapat ditunjukkan kepada kepuasan PruBSN bahawa terdapat penjelasan munasabah menunjukkan notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa PruBSN tidak akan membayar sebarang tuntutan walaupun berdokumen lengkap sekiranya tuntutan diserahkan kepada PruBSN selepas dua belas (12) bulan dari tarikh tamat Tempoh Perlindungan.

Apabila tuntutan dibuat, penuntut yang sah atau penama(-penama) perlu menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan yang lengkap kepada PruBSN untuk memproses tuntutan.

8. **KHIDMAT PELANGGAN**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perlindungan Takaful ini, Ahli yang Dilindungi boleh menghubungi/mendekati titik sentuhan di bawah.

Cawangan

Cawangan-cawangan PruBSN beroperasi dari jam 8:45 pagi hingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

Panggilan

Sila hubungi **Khidmat Pelanggan** PruBSN di **03 2775 7188** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum).

Surat menyurat dan E-mel

Tulis kepada PruBSN di alamat:

Unit Mikrotakaful

Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898 (740651-H))
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

E-mel: customer.microtakaful@prubsn.com.my

9. **PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN DAN BANK NEGARA MALAYSIA LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)**

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu untuk menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan.

Sekiranya Ahli yang Dilindungi atau penamanya atau penuntut yang sah mempunyai sebarang aduan, atau tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan

yang dibuat PruBSN, anda boleh merujuk kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan/atau BNMLINK.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2272 2811

Laman web: www.fmos.org.my

Untuk Pertanyaan & Aduan

BNMLINK

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK

KONTRAK SHARIAH (`AQAD)

1. Hubungan Kontrak di kalangan Ahli-ahli yang Dilindungi dan Pemegang Sijil Induk
 - 1.1 Kedua-dua Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju menyertai skim ini berdasarkan prinsip *Ta`awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru`at* (amal kebajikan) untuk setiap Ahli yang Dilindungi, disokong oleh Pemegang Sijil Induk, PruBSN, dan Geran Kerajaan, bersama dengan penyertaan Ahli yang Dilindungi, akan menjadi asas bantuan di bawah skim ini. Sumbangan daripada Pemegang Sijil Induk, PruBSN, dan Geran Kerajaan akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* untuk menyediakan manfaat bersama yang akan dibayar kepada semua Ahli yang Dilindungi yang layak atau kepada penama-penama apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah skim ini.
 - 1.2 *Wakalah*
 - 1.2.1 Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada PruBSN untuk menguruskan skim takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru`*. PruBSN diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Syariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan di sini.
 - 1.2.2 Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* Pendahuluan kepada PruBSN seperti yang dinyatakan di bawah Sijil Induk.
 - 1.2.3 Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaiian atau pelanggaran istilah tertentu, PruBSN akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Ahli yang Dilindungi.
 - 1.2.4 Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila penamatan perlindungan atau akibat sebarang keadaan yang dinyatakan di bawah Ringkasan Sijil Induk Klaus 4 dan Klaus 6. PruBSN layak untuk menerima Caj *Wakalah* Pendahuluan bagi perkhidmatan yang diberikan.

PERUNTUKAN ASAS**1. DEFINISI**

Dalam Ringkasan Sijil Induk ini, perkataan-perkataan dan ungkapan yang digunakan adalah seperti yang ditakrifkan di bawah:

- 1.1. **Kemalangan** – bermaksud tindakan yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat, diakibatkan secara langsung dan tidak bergantung kepada sebab-sebab lain yang berlaku secara mengejut, tidak sengaja, di luar jangkaan, luarbiasa dan peristiwa tertentu yang berlaku pada tarikh, masa dan tempat yang dikenalpasti.
- 1.2. **Umur** – bermaksud umur pada hari lahir akan datang.
- 1.3. **Tempoh Perlindungan** – bermaksud tempoh bermula dari permulaan perlindungan takaful sehingga berakhir di bawah Sijil Induk.
- 1.4. **Doktor atau Pakar Perubatan** – bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat/berdasarkan bukti. Semasa memberikan rawatan, Doktor mesti mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihan mereka di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Doktor ini tidak termasuk Pemegang Sijil Induk, Ahli yang Dilindungi, atau pasangan Ahli yang Dilindungi atau saudara-mara terdekat.
- 1.5. **Kemasukan ke Hospital** atau **Dimasukkan ke Hospital** – bermaksud kemasukan berterusan sekurang-kurangnya enam (6) jam di hospital dan caj bilik serta makan telah dikenakan oleh hospital berkaitan dengan kemasukan ke hospital.
- 1.6. **Kecederaan** – bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Ahli yang Dilindungi yang disebabkan semata-mata daripada Kemalangan.
- 1.7. **Hospital Kerajaan Malaysia** - bermaksud hospital yang diiktiraf dimiliki oleh kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia dan bayaran perkhidmatannya tertakluk Akta Bayaran 1951 Perintah Bayaran (Perubatan) 1982 atau mana-mana undang-undang berkaitan yang mungkin menggantikannya pada masa hadapan.
- 1.8. **Diperlukan dari Segi Perubatan** – bermaksud perkhidmatan perubatan seperti:
 - (a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa untuk Kecederaan;
 - (b) selaras dengan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan perubatan profesional, dan terbukti mempunyai manfaat perubatan
 - (c) bukan untuk kemudahan Ahli yang Dilindungi atau Doktor; bukan bersifat eksperimental, penyelidikan atau kajian, sifat pencegahan atau saringan;
 - (d) yang mana caj adalah adil, biasa dan munasabah untuk Kecederaan; dan menyediakan rawatan yang berkaitan secara langsung dengan Kecederaan.
- 1.9. **Keadaan yang Sedia Ada** – bermaksud sebarang hilang upaya, penyakit dan/atau keadaan yang Ahli yang Dilindungi di bawah Ringkasan Sijil Induk ini mengetahui sewajarnya sebelum tarikh permulaan Tempoh Perlindungan. Ahli yang Dilindungi mungkin dianggap

mengetahui sewajarnya sesuatu Keadaan yang Sedia Ada di mana hilang upaya, penyakit dan/atau keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana:

- (a) Ahli yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan yang telah disyorkan; atau
- (c) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau
- (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.

- 1.10. **Jumlah yang Dilindungi** – bermaksud amaun manfaat yang akan dibayar apabila tuntutan dibuat dan dibayar daripada Dana *Tabarru`*.
- 1.11. **Potongan *Tabarru`*** – merujuk kepada Sumbangan selepas ditolak Caj *Wakalah* Pendahuluan, dikumpulkan dalam Dana *Tabarru`* mengikut susunan *Ta`awun*. PruBSN boleh mengkaji semula Potongan *Tabarru`* dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi.
- 1.12. **Dana *Tabarru`*** – bermaksud dana yang dimiliki bersama oleh Pemegang Sijil Induk dan Ahli-ahli yang Dilindungi sebagai peserta skim ini, bersama-sama dengan penyumbang lain yang Potongan *Tabarru`* mereka dikumpulkan ke dalam dana. Dana ini digunakan untuk membayar manfaat yang dipersetujui di bawah skim ini berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama.
- 1.13. **Caj *Wakalah* Pendahuluan** – bermaksud caj yang Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi bayar kepada PruBSN untuk perkhidmatan yang diberikan.
- 1.14. **Tempoh Menunggu** – bermaksud tempoh dari tarikh permulaan Tempoh Perlindungan di mana tiada manfaat dibayar, kecuali dinyatakan sebaliknya.

RINGKASAN SIJIL INDUK**1. SIJIL INI**

- 1.1. Ringkasan Sijil Induk ini berfungsi sebagai petikan daripada peruntukan utama Sijil Induk. Ia tidak menggantikan Sijil Induk dan tertakluk kepada sebarang perubahan di dalam Sijil Induk.
- 1.2. Segala tafsiran manfaat-manfaat dan terma-terma yang disebut di dalam dokumen ini harus berdasarkan kepada peruntukan yang berkaitan yang dinyatakan di dalam Sijil Induk.
- 1.3. Orang yang mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini dirujuk sebagai Ahli yang Dilindungi.

2. SUMBANGAN, PENOLAKAN TABARRU` DAN CAJ WAKALAH PENDAHULUAN

- 2.1 Sumbangan untuk potongan Tabarru` bagi perlindungan takaful dibiayai sebahagiannya oleh Kerajaan, PruBSN dan Pemegang Sijil Induk, manakala setiap Ahli yang Dilindungi membayar RM10.00 sebagai sebahagian daripada Sumbangan yang digunakan untuk sebahagiannya menampung Caj *Wakalah* Pendahuluan bagi perbelanjaan pengurusan kepada PruBSN.
- 2.2 PruBSN boleh menyemak semula Sumbangan, kadar potongan Tabarru` dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan dengan memberitahu Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari lebih awal. Semakan terhadap Sumbangan, kadar potongan Tabarru` dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan akan berkuat kuasa pada Tempoh Perlindungan takaful yang baru atau seterusnya (jika pembaharuan Sijil terpakai).
- 2.3 Caj *Wakalah* Pendahuluan yang dibayar merupakan sebahagian daripada Sumbangan yang perlu dibayar, dan tidak akan dikembalikan sekiranya penamatan seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 5.

3. MANFAAT-MANFAAT**3.1 Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan**

3.1.1 Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh punca-punca lain selain dari Kemalangan semasa Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Klausula 3.4, daripada Dana *Tabarru`* dan Sijil bagi Ahli yang Dilindungi akan ditamatkan.

3.1.2 Sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi berlaku disebabkan oleh sebab selain Kemalangan dalam Tempoh Menunggu empat (4) bulan dari tarikh permulaan Tempoh Perlindungan, Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan tidak dibayar.

3.2 Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

3.2.1 Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh Kemalangan semasa Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar Jumlah yang Dilindungi untuk Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat Klausu 3.4, daripada Dana *Tabarru`* dan Sijil bagi Ahli yang Dilindungi akan ditamatkan.

3.2.2 Hanya salah satu daripada manfaat di bawah akan dibayar sekiranya berlaku salah satu daripada kejadian tersebut:

- a) Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan; atau
 - b) Manfaat Kematian Akibat Kemalangan;
- yang mana lebih tinggi.

3.3 Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan)

3.3.1 Sekiranya Ahli yang Dilindungi Dimasukkan ke hospital di Hospital Kerajaan Malaysia disebabkan Kecederaan Kemalangan semasa Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah Sijil ini, PruBSN akan membayar elaun hospital untuk setiap hari Dimasukkan ke hospital, sehingga maksimum empat belas (14) hari semasa Tempoh Perlindungan seperti ditetapkan dalam Klausu 3.4 Jadual Manfaat, daripada Dana *Tabarru`*.

3.3.2 Kemasukan ke Hospital Kerajaan mesti disyorkan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang layak

3.4 Jadual Manfaat

Manfaat-manfaat	Jumlah yang Dilindungi
Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan	RM 10,000
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	RM 20,000
Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan)	RM 50 (Sehingga 14 hari)

4. TUNTUTAN-TUNTUTAN

4.1. PruBSN tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini kecuali:

4.1.1. Ahli yang Dilindungi atau penama(-penama) telah menyerahkan kepada PruBSN semua dokumen dan maklumat yang diminta oleh PruBSN secepat yang mungkin (Penuntut harus menanggung sebarang kos yang terlibat dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut).

4.1.2. Tuntutan untuk manfaat tersebut berserta semua dokumen dan maklumat yang berkenaan yang diperlukan oleh PruBSN diserahkan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tuntutan.

4.1.3. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan untuk membatalkan tuntutan sekiranya terdapat penjelasan munasabah menunjukkan notis tidak dapat diserahkan dan notis telah diberi seawal dan seupaya yang mungkin selepas tamat tempoh masa tersebut. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian

bahawa PruBSN tidak akan membayar sebarang tuntutan walaupun berdokumen lengkap sekiranya tuntutan diserahkan kepada PruBSN selepas dua belas (12) bulan dari tarikh tamat Tempoh Perlindungan.

- 4.1.4. Sebelum PruBSN membayar sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, PruBSN mungkin memerlukan penghantaran dokumen(-dokumen) tambahan yang diperlukan termasuk dokumen undang-undang yang berkenaan daripada Ahli yang Dilindungi/penama(-penama) untuk memproses dan menerima tuntutan tersebut.
- 4.2. Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan atau Manfaat Kematian Akibat Kemalangan yang akan dibayar di bawah Sijil Induk ini hendaklah dibayar lima (5) hari bekerja selepas pemberitahuan tuntutan, manakala Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan) yang akan dibayar di bawah Sijil Induk ini hendaklah dibayar tujuh (7) hari bekerja, setelah menerima dokumen sokongan yang lengkap seperti yang diminta oleh PruBSN. Setelah bayaran penuh manfaat telah dibuat, liabiliti PruBSN akan berhenti berkaitan dengan perlindungan takaful untuk Ahli yang Dilindungi.
- 4.3. Pembayaran manfaat akan dibuat secara terus oleh PruBSN kepada Ahli yang Dilindungi atau penama(-penama) Ahli yang Dilindungi atau sekiranya tiada penama, pihak menuntut menerusi pembayaran elektronik (E-Kredit).

5. PENAMATAN

- 5.1. Perlindungan takaful di bawah Sijil ini bagi Ahli yang Dilindungi akan tamat serta-merta:
 - 5.1.1. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
 - 5.1.2. apabila menerima arahan bertulis daripada Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi; atau
 - 5.1.3. pada tarikh tamat perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan Tempoh Perlindungan;

mana-mana berlaku terlebih dahulu.

6. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

- 6.1 Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan sekiranya kematian adalah disebabkan oleh:

- a) bunuh diri semasa waras atau tidak waras dalam dua belas (12) bulan pertama dari tarikh permulaan Tempoh Perlindungan; atau
- b) sebab kematian bukan akibat Kemalangan dalam empat (4) bulan Tempoh Menunggu dari tarikh permulaan Tempoh Perlindungan.

6.2 Manfaat Kematian akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan sekiranya mana-mana daripada berikut berlaku melibatkan Ahli yang Dilindungi:

- a) pengambilan dadah atau bahan narkotik kecuali yang telah ditetapkan untuk rawatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang bertauliah;
- b) pengaruh atau penyalahgunaan dadah, narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
- c) kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol; atau
- d) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan mengikut undang-undang yang berkenaan atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a) peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam
- b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- c) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan mana-mana kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau Kecederaan yang dilakukan ke atas sendiri semasa waras atau tidak waras;
- e) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas system peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- f) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan professional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan pihak Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan

6.3 Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan)

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan sekiranya hilang upaya kekal dan menyeluruh Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya disebabkan oleh:

- a) sebarang Keadaan Sedia Ada atau Kecederaan akibat Kemalangan yang berlaku sebelum tarikh permulaan Tempoh Perlindungan; atau
- b) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan; atau
- c) sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan yang berlaku; atau
- d) sunat, pemeriksaan mata, pembetulan rabun jauh dan/atau rabun dekat melalui cermin mata, kanta dan pembiasan atau pembedahan (Keratotomi radial atau Lastik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas prostetik luaran atau alat perubatan tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak jantung luaran dan preskripsinya, pembedahan kosmetik elektif atau plastic kecuali pembedahan rekonstruktif yang diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas Kecederaan Kemalangan; atau
- e) sebarang keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali diperlukan kerana Kecederaan akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat (gigi patah yang disebabkan oleh mengunyah objek yang keras tidak dikira sebagai Kecederaan akibat Kemalangan) yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Perlindungan; atau
- f) pembedahan tinjauan atau eksperimen atau sebarang prosedur elektif laik termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan tidak konvensional, yang belum dibuktikan berkesan berdasarkan amalan perubatan yang ditetapkan, dan belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di dalam negara di mana Ahli yang Dilindungi menerima rawatan; atau
- g) penjagaan peribadi (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah) rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada alcohol dan dadah), pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dan penyakit berkaitan HIV, semua penyakit kelamin, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau
- h) sebarang rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin dan komplikasi, kehamilan, sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas system peranakan Wanita Ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan kerana sebab psikologi atau social, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan prenatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk difungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan); atau
- i) pemeriksaan perubatan rutin atau rundingan, Kemasukan ke Hospital terutamanya untuk tujuan siasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang dianggap tidak Diperlukan dari Segi

Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau

- j) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau Kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- k) sebarang Kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau serangan atau perbuatan permusuhan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, pelanggaran mana-mana, atau cubaan melanggar undang-undang atau untuk tindakan menentang penahanan, serta penglibatan secara langsung dalam rusuhan, mogok dan kekecohan awam atau pemberontakan; atau
- l) sebarang radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
- m) sebarang siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan untuk perpeluhan yang berlebihan, terapi penggantian hormon, terapi sel induk (selain daripada untuk gangguan darah hemopoietik), terapi oksigen hiperbarik, perundingan dan rawatan jururawat dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akuteknanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain; atau
- n) sebarang psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
- o) sebarang sakit atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada selam skuba, terjun bungee, meluncur-gantung, belon panas, penerjunan, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan professional dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, atau berlesen membawa penumpang-operasi pesawat komersil pada laluan berjadual tetap, melainkan Kami bersetuju berbeza dalam pengendorsan khas; atau
- p) sebarang jagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pengekalan keadaan Ahli yang Dilindungi atau pemulihan kepada keadaan kesihatan Ahli yang Dilindungi yang sebelumnya.

7 LARANGAN AKIBAT SEKATAN ATAU KESALAHAN YANG BERKAITAN

7.1 Sekiranya PruBSN mendapati atau mengesyaki bahawa Ahli yang Dilindungi merupakan orang yang dilarang atau pihak berkaitan dengan orang yang dilarang yang tertakluk kepada sekatan oleh mana-mana undang-undang dan/atau peraturan, PruBSN akan membatalkan atau menamatkan Sijil serta-merta tanpa notis terlebih dahulu. PruBSN tidak akan menjalankan sebarang urusan dengan mana-mana pihak berkaitan dengan Sijil tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

****RINGKASAN SIJIL INDUK TAMAT ****

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Telefon 03 2775 7188

Emel customer.microtakaful@prubsn.com.my